

11/12/1999

Pelantikan tiga muka baru Sarawak dialu-alu

KUCHING, Jumaat - Naib Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Dr James Jemut Masing, mengalu-alukan pelantikan tiga muka baru dari Sarawak dalam barisan kabinet yang diumumkan hari ini.

Menteri Pelancongan negeri itu berkata, ini kerana Dr Mahathir orang yang berpengalaman dalam mencaturkan barisan kabinet sesuai dengan keperluan alaf akan datang.

Beliau berkata, PBDS mengalukan pengekalan Presidennya, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok sebagai Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia serta pengekalan menteri lain, timbalan menteri dan setiausaha parlimen, selain memasukkan muka baru seperti Dr Tiki Lafe dan Rohani Abdul Karim dalam kabinet kerajaan pusat.

Selain itu, beliau berkata pihaknya juga mengalukan perlantikan Datuk Mohd Effendi Norwawi sebagai Menteri Pertanian menggantikan Datuk Dr Sulaiman Daud.

Katanya, ini kerana Effendi memang aktif dan berpengalaman serta rapat dengan masyarakat petani dan nelayan sewaktu beliau mempengerusikan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) satu masa dahulu.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebangsaan Orang Ulu (OUNA) Abu Bakar Abdullah, berkata perlantikan barisan kabinet baru perlu dilihat mengikut 'kaca mata' dan keperluan alaf baru.

Beliau berkata, OUNA menyokong perlantikan Effendi sebagai Menteri Pertanian, kerana ia membayangkan Perdana Menteri melihat Sarawak sesuai untuk pertanian dan perlu dimajukan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (Penesa), Jamali Basri, berkata masyarakat nelayan menyokong sesiapa sahaja yang dilantik Perdana Menteri sebagai Menteri Pertanian.

Beliau yang juga Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) berkata, perlantikan Effendi diharap dapat terus membantu mengangkat martabat masyarakat nelayan di seluruh negara.

Di KOTA KINABALU, Ketua Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Norjan Khan Bahadar menyifatkan pelantikan muka lama dan baru sebagai bukti kepercayaan pucuk pimpinan terhadap kewibawaan rakyat negeri itu.

Katanya, pelantikan Tan Sri Kasitah Gadam mengekalkan jawatan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi serta Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Pandikar Amin Mulia sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Shafie Apdal (Timbalan Menteri Pertahanan) adalah amat membanggakan.

Selain itu, katanya, dua muka baru, Datuk Anifah Aman (Timbalan Menteri Perusahaan Utama) dan Rizalman Abdullah (Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan) menunjukkan lebih banyak peluang dibuka kepada Sabah untuk menjawat jawatan tinggi dalam Kabinet Persekutuan.

"Kita berbangga kerana ketokohan dan kepemimpinan ahli politik Sabah diberi perhatian dan peluang dalam menjawat jawatan tinggi dan berharap pada masa depan lebih ramai lagi mendapat peluang sama," katanya.

(END)